Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001837
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1837

Penggerak Komunikasi dalam Perbualan dan Teknologi Komunikasi: Satu Sorotan Literatur Bersistematik

(Phatic Communion in Conversation and Communication Technology: A Systematic Literature Review)

Sarah Nur Najwa Mohd Nasir[1*], Maslida Yusof[2]

[1]Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p110810@siswa.ukm.edu.my
[2]Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: maslida@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Sarah Nur Najwa Mohd Nasir
(p110810@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Penggerak komunikasi
Teknologi penggerak komunikasi
Sorotan literatur bersistematik
Teknologi komunikasi

KEYWORDS:
Phatic communion
Phatic technology
Systematic literature review
Technology of communication

CITATION:
Sarah Nur Najwa Mohd Nasir & Maslida Yusof. (2022). Penggerak Komunikasi dalam Perbualan dan Teknologi Komunikasi: Satu Sorotan Literatur Bersistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001837. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1837

ABSTRAK

Berbasa-basi yang juga dikenali sebagai penggerak komunikasi adalah salah satu fungsi bahasa yang diujarkan untuk mengekalkan hubungan sosial dalam situasi berkomunikasi. Ujaran penggerak komunikasi dapat ditemui dalam pelbagai situasi komunikasi dan disampaikan dalam pelbagai bentuk dan fungsi. Dengan kewujudan teknologi komunikasi seperti platform pemesejan dan perhubungan, dan penggunaan media tertentu untuk berkomunikasi, unsur penggerak komunikasi juga ditemui dalam teknologi komunikasi. Kajian penggerak komunikasi bukan sahaja dijalankan dalam bidang komunikasi dan bidang bahasa, tetapi juga bidang lain seperti perubatan dan pendidikan. Justeru, sorotan literatur bersistematik mengenai kajian penggerak komunikasi adalah penting untuk memperlihatkan himpunan kajian lepas dari pelbagai bidang yang lebih sistematik dan telus. Proses sorotan literatur bersistematik ini mengetengahkan beberapa panduan seperti protokol ROSES (*Reporting Standards for Systematic Evidence Syntheses*), pembentukan persoalan kajian, strategi pencarian bersistematik yang mengandungi proses pengenalpastian, saringan dan kesahan artikel melalui pangkalan data Google Scholar dan Scopus. Langkah seterusnya diikuti dengan penilaian kualiti, sintesis dan analisis data. Sebagai hasil kajian, sorotan ini mengeluarkan fokus kajian-kajian lepas, mengkategorikan artikel ke dalam kategori kajian penggerak komunikasi dalam perbualan dan kajian penggerak komunikasi yang berkait dengan teknologi komunikasi. Sorotan literatur bersistematik ini membantu pembaca dan pengkaji seterusnya untuk melihat kajian-kajian lepas yang relevan dengan lebih mudah dan teratur.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ABSTRACT

Small talk which also known as phatic communion is a form of utterance that maintains social relationships in situation of communication and one of the language functions. The utterances of phatic communion that can be found in various communication situations have various forms and functions. With the existence of communication technologies such as messaging and communication platforms, and the use of certain media to communicate, elements of phatic can also be found in communication technologies. The study of phatic communion is not only conducted in the field of communication and language, but other fields such as health and education. Thus, a systematic literature review on the study of phatic communion is important to provide more systematic and transparent collection of past studies from various fields. This systematic literature review process highlights several guidelines such as the ROSES protocol (Reporting Standards for Systematic Evidence Syntheses), the formation of research questions, a systematic search strategy that contains the process of identification, screening and eligibility of articles through Google Scholar and Scopus databases. The next step is followed by quality assessment, and data synthesis and analysis. The result of this study is the focus of past studies, categorizing the articles into the categories of phatic communion studies in conversation and phatic communion studies related to communication technology. This systematic literature review helps subsequent readers and researchers to view relevant past studies more easily and systematically.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada himpunan literatur dari pelbagai negara dalam aspek penggerak komunikasi yang lebih teratur, bersistematik dan lebih mudah untuk dirujuk. Perkembangan kajian yang relevan dan terkini dapat dilihat melalui pembahagian tema kajian penggerak komunikasi dalam perbualan dan kajian penggerak komunikasi dalam teknologi komunikasi.

1. Pengenalan

Komunikasi ialah satu keperluan sosial dalam hidup manusia. Manusia mempunyai hubungan sosial yang tertentu sesama sendiri dan hubungan tersebut perlu dikekalkan keharmoniannya. Situasi berkomunikasi memiliki ciri-ciri bahasa yang berbeza mengikut tujuan komunikasi, budaya masyarakat dan faktor lain yang mempengaruhi perbezaan setiap ujaran. Setiap ujaran pula memiliki fungsi-fungsi yang tersendiri dalam sesebuah situasi berkomunikasi. Menurut Jakobson (1960), terdapat enam fungsi bahasa iaitu emotif, kognitif, rujukan, penggerak komunikasi, metalinguistik dan puitis. Dalam situasi komunikasi, ujaran yang mempunyai fungsi sosial seperti fungsi penggerak komunikasi sebenarnya kerap digunakan untuk memastikan keharmonian dalam perhubungan sosial.

Penggerak komunikasi juga dikenali dengan terma *phatic communion*, *phatic communication*, *small talk*, berbasa-basi, ungkapan fatis atau ungkapan fatik. Malinowski (1923) yang merupakan perintis kajian penggerak komunikasi mendefinisikan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penggerak komunikasi sebagai ujaran yang bertujuan untuk memenuhi fungsi sosial seperti mengukuhkan hubungan. Ujaran penggerak komunikasi boleh ditemui dalam mana-mana situasi komunikasi dan perbualan. Contoh penggerak komunikasi yang kerap digunakan dalam kalangan penutur bahasa Melayu adalah ajuan soalan *dah makan ke?*. Ajuan soalan ini memiliki unsur penggerak komunikasi kerana soalan ini bukan sahaja membawa tujuan asalnya untuk bertanya jika sudah makan atau belum, tetapi pengujar sebenarnya hanya ingin memulakan bicara, bertegur sapa atau sekadar berbasa-basi. Tidak kira apa pun jenis ujaran penggerak komunikasi, ujaran ini bertujuan untuk mengekspresikan atau mengekalkan hubungan dengan orang lain dalam bentuk perkongsian perasaan, ucapan atau ungkapan sosial berbanding bertukar dan menyampaikan maklumat (Miller, 2015).

Situasi komunikasi tidak kira secara bersemuka atau dalam alam digital pasti memiliki unsur atau ujaran penggerak komunikasi. Kajian-kajian lepas yang terkini seperti kajian Hayes et al. (2016) dan Aull (2019) telah membuktikan bahawa elemen teknologi tertentu dalam situasi komunikasi digital memiliki fungsi penggerak komunikasi. Walau bagaimanapun, tiada himpunan kajian lepas yang diterbitkan agar pengkaji seterusnya dapat melihat perkembangan kajian penggerak komunikasi dengan lebih teratur dan jelas. Penghimpunan kajian lepas yang bersistematik perlu dilakukan bukan sahaja untuk melihat aliran perkembangan kajian penggerak komunikasi, tetapi juga aspek kajian tertentu yang bakal membantu kajian pada masa hadapan seperti metodologi, kerangka dan dapatan kajian.

Menurut Higgins et al. (2011), sorotan literatur bersistematik bertujuan untuk mengenal pasti dan mensintesiskan kajian tertentu melalui proses yang teratur, telus dan boleh dirujuk semula. Oleh itu, penggunaan kerangka sorotan literatur bersistematik adalah bertepatan dengan tujuan untuk menghimpunkan kajian lepas dengan sistematik. Metodologi yang bersistematik ini akan melahirkan sorotan kajian yang relevan dan telus untuk dirujuk oleh pengkaji seterusnya. Dalam konteks penulisan ini, sorotan bersistematik ini memperlihatkan tahap perkembangan kajian penggerak komunikasi berasaskan perkembangan teknologi komunikasi. Metodologi bersistematik ini juga memperlihatkan sumbangan kepada perspektif bahasa berasaskan aspek kajian tertentu seperti metodologi, kerangka, teori dan dapatan kajian.

2. Metodologi

Penghimpunan kajian lepas yang teratur memerlukan protokol tertentu sebagai metodologi untuk memastikan penghuraian dan sintesis dapatan kajian adalah telus. Protokol ROSES dipilih untuk memandu penulisan sorotan literatur bersistematik untuk penghuraian penggerak komunikasi dan teknologi komunikasi dalam perspektif bahasa. Umumnya, protokol ROSES ialah panduan untuk sorotan literatur bersistematik dalam kajian sains. Walau bagaimanapun, kriteria dalam protokol yang dibina oleh Haddaway et al. (2018) ini mampu merumuskan penghuraian kajian-kajian lepas dalam bidang bahasa yang telus, khususnya dalam aspek penggerak komunikasi.

2.1. Pembentukan persoalan kajian

Pembentukan persoalan kajian ialah salah satu langkah dalam menghasilkan sorotan literatur bersistematik yang baik. Kajian penggerak komunikasi mula dipelopori oleh Malinowski (1923) melalui penulisannya, *The Problem of Meaning in Primitive Languages*. Dalam kajian Malinowski (1923) yang menghuraikan peranan konteks

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dalam situasi dan budaya melalui pembentukan makna, terma penggerak komunikasi turut dijelaskan. Pada awal kemunculan terma penggerak komunikasi, aspek ini hanya dikaji berdasarkan ujaran secara bersemuka. Kini, komunikasi bukan sahaja terjadi melalui perbualan secara bersemuka, tetapi juga melalui perbualan secara maya. Sudah terdapat pelbagai variasi kajian penggerak komunikasi sama ada dalam bidang bahasa, bidang komunikasi dan bidang lain. Kajian penggerak komunikasi juga mempunyai variasi sama ada memfokuskan kepada ujaran secara bersemuka atau ujaran dalam talian.

Walau bagaimanapun, masih tiada kajian yang menggariskan perkembangan kajian-kajian penggerak komunikasi secara bersistematik dan teratur. Penghimpunan kajian lepas biasanya hanya dapat dikenal pasti oleh pengkaji secara manual seperti melalui bab sorotan kajian lepas atau rujukan. Himpunan kajian lepas penggerak komunikasi perlu diwujudkan agar pengkaji seterusnya dapat mengetahui apakah kajian penggerak komunikasi yang relevan dan terkini dengan lebih mudah. Sorotan literatur bersistematik yang menggunakan panduan dan protokol tertentu membantu untuk memperkemas aturan sorotan dan penghuraiannya. Selain itu, kelompangan penghimpunan kajian lepas yang teratur membuka ruang kepada sorotan literatur bersistematik ini untuk memperlihatkan aspek-aspek kajian lepas yang memberi sumbangan kepada kajian penggerak komunikasi sama ada berfokuskan kepada perbualan bersemuka atau berfokuskan kepada teknologi dan alam digital. Berdasarkan kelompangan dalam aspek himpunan kajian lepas yang teratur, persoalan kajian yang menjadi teras kajian ini adalah seperti di bawah.

i. Apakah fokus kajian penggerak komunikasi yang relevan dan terkini?
ii. Apakah perkembangan kajian penggerak komunikasi dalam perbualan dan kajian penggerak komunikasi yang berkaitan dengan teknologi komunikasi?

2.2. Strategi pencarian bersistematik

Memandangkan kajian ini menggunakan protokol ROSES untuk memandu proses menghasilkan sorotan yang telus, strategi pencarian bersistematik adalah salah satu langkah yang termaktub dalam protokol ini dan perlu diikuti. Sesuai dengan saranan Shaffril et al. (2018), terdapat tiga langkah dalam mencapai strategi pencarian bersistematik iaitu proses identifikasi, penapisan dan kesahan kajian-kajian lepas yang ditemui.

2.2.1. Proses identifikasi

Proses pertama untuk mencapai strategi pencarian bersistematik adalah proses identifikasi. Pengkaji mengeluarkan dan mengumpulkan kata kunci berdasarkan persoalan kajian yang sudah dibentuk. Kata kunci awal yang dapat dikenal pasti adalah *penggerak komunikasi*, *bahasa internet* dan *teknologi*. Seterusnya, sinonim atau terma lain berdasarkan kata kunci yang telah ditemui diteroka dengan lebih mendalam untuk mendapatkan variasi kata kunci yang menjurus kepada penemuan kajian lepas yang relevan dengan keperluan kajian. Antara variasi kata kunci selain daripada kata kunci utama adalah *ungkapan fatik*, *ungkapan fatis* dan *media sosial*.

Seterusnya, pencarian kajian lepas yang relevan dimulakan menggunakan senarai pendek kata kunci yang telah diperoleh termasuk kata kunci utama dan variasinya. Pencarian kajian lepas adalah secara digital menggunakan pangkalan data Scopus dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Google Scholar. Melalui Scopus, terdapat beberapa kaedah carian yang digunakan termasuklah carian biasa dan carian menggunakan format rentetan carian untuk hasil carian yang lebih relevan. Hasil carian tanpa saringan melalui kedua-dua pangkalan data dinyatakan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Hasil carian berdasarkan dua pangkalan data

Pangkalan data	Kaedah carian	Jumlah artikel ditemui
Scopus	TITLE-ABS-KEY (“phatic communion” OR “phatic communication” OR “phatic”)	379
Google Scholar	"phatic communion" OR "penggerak komunikasi" OR "ungkapan fatis" OR "ungkapan fatik"	1420

2.2.2. Penyaringan

Sebelum penyaringan dilakukan, jumlah keseluruhan artikel ditemui di kedua-dua pangkalan data Scopus dan Google Scholar adalah 1494. Antara kriteria yang ditetapkan dalam proses saringan ini adalah tahun penerbitan dan jenis penerbitan sesuai dengan saranan daripada sarjana-sarjana melalui penulisan Shaffril et al. (2020). Jadual 2 menunjukkan keseluruhan kriteria penolakan dan penerimaan artikel. Kriteria penyaringan seperti bidang atau perkaitan dengan perspektif bahasa turut ditambah untuk memastikan kerelevanan pemilihan artikel. Untuk tahun penerbitan, saringan dilakukan melalui pilihan tetapan tahun penerbitan di Scopus dan Google Scholar. Di pangkalan data Scopus, jenis penerbitan boleh dipilih dalam tetapan, manakala saringan untuk artikel di Google Scholar dalam aspek kriteria ini dilakukan secara manual oleh pengkaji sendiri. Terdapat juga artikel sama yang ditemui dalam kedua-dua pangkalan data. Duplikasi artikel ini ditolak dan menjumlahkan artikel yang diterima sebanyak 174.

Jadual 2: Kriteria penolakan dan penerimaan artikel

Kriteria penyaringan	Penolakan	Penerimaan
Tahun penerbitan	2015 ke belakang	2016 ke hadapan
Jenis penerbitan	Bukan penerbitan dalam jurnal, dan dalam buku atau prosiding	Artikel dalam jurnal, bab dalam buku dan prosiding
Bidang/Perkaitan	Tidak berkait dengan bidang bahasa dan linguistik	Berkait dengan bidang bahasa dan linguistik

2.2.3. Kesahan

Untuk memastikan kesahan dan kerelevanan artikel yang telah diterima, pengkaji sendiri memeriksa kesemua artikel melalui pembacaan abstrak. Pembacaan abstrak adalah berdasarkan kepada dapatan kajian yang mampu memberi sumbangan kepada objektif kajian. Akhirnya, hanya 56 artikel diterima dan sebanyak 118 artikel ditolak kerana jurang di antara dapatan kajian tersebut dan objektif kajian ini adalah sangat jauh.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2.2.4. Penilaian kualiti

Dalam proses saringan penilaian kualiti, sebanyak 56 artikel dinilai kualitinya berdasarkan *Mixed-Method Appraisal Tool* (MMAT). Protokol penilaian ini dipilih selari dengan pendapat Hong et al. (2018) bahawa MMAT mampu menilai ulasan kajian campuran dengan sistematik termasuklah lima jenis kajian iaitu kajian kualitatif, ujian rawak secara terkawal, kajian bukan rawak, kajian kuantitatif deskriptif dan kajian metodologi campuran. Protokol ini memandu saringan penilaian kualiti melalui kriteria seperti persoalan kajian, objektif kajian, metodologi kajian, dapatan kajian dan hubung kait kajian. Dengan menggunakan MMAT, kedua-dua penulis dapat menilai artikel yang ditemui dengan lebih baik berbanding hanya bergantung kepada pengetahuan kendiri semata-mata. Panduan protokol dalam kawalan dan penilaian kualiti ini dilampirkan seperti dalam Jadual 3, manakala hasil saringan peringkat ini adalah seperti yang ditaburkan dalam Jadual 4.

Jadual 3: Penilaian berdasarkan panduan MMAT

Reka bentuk kajian	Kriteria penilaian
Kualitatif	SP1 – Adakah pendekatan kualitatif sesuai untuk menjawab persoalan kajian? SP2 – Adakah metodologi pengumpulan data kualitatif memadai untuk memenuhi persoalan kajian? SP3 – Adakah dapatan kajian berpandukan data secukupnya? SP4 – Adakan interpretasi hasil kajian berpandukan kepada data secukupnya? SP5 – Wujudkan koheren di antara sumber data kualitatif, pengumpulan, analisis dan interpretasi?
Kuantitatif (deskriptif)	SP1 – Adakah strategi persampelan relevan selari dengan persoalan kajian? SP2 – Adakah sampel kajian menggambarkan populasi target? SP3 – Adakah pengukuran bersesuaian? SP4 – Adakah risiko berat sebelah tiada jawapan rendah? SP5 – Adakah analisis statistik sesuai untuk menjawab persoalan kajian?
Kuantitatif (bukan rawak)	SP1 – Adakah peserta mewakili populasi target? SP2 – Adakah pengukuran sesuai dalam aspek hasil dan intervensi (atau pendedahan)? SP3 – Wujudkah data yang lengkap? SP4 – Adakah perancu dikira dalam reka bentuk dan analisis kajian? SP5 – Semasa kajian dijalankan, adakah intervensi dilaksanakan (atau pendedahan berlaku) seperti yang dimahukan?
Reka bentuk campuran	SP1 – Wujudkan sebab munasabah untuk penggunaan reka bentuk metodologi campuran selari dengan persoalan kajian? SP2 – Adakah perbezaan komponen kajian

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

	diintegrasi untuk menjawab persoalan kajian secara berkesan? SP3 – Adakah output integrasi dari komponen kualitatif dan kuantitatif diinterpretasi secukupnya? SP4 – Adakah kecapahan dan tidak konsistem di antara hasil kuantitatif dan kualitatif digambarkan secukupnya? SP5 – Adakah komponen kajian yang berbeza tertakhluk kepada kriteria kualiti setiap tradisi dalam metodologi yang terlibat?

Jadual 4: Hasil penilaian berdasarkan MMAT

Artikel	Reka bentuk kajian	SP1	SP2	SP3	SP4	SP5	Jumlah kriteria penilaian dipenuhi	Penerimaan artikel
Hayes et al. (2016)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Wang & Tucker (2016)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Francisco Yus (2017)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Maiz-Arevalo (2017)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Gema Febriansyah (2017)	RC	Y	T	Y	Y	Y	4/5	Y
Rosita Ambarwati (2017)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Taipale & Farinosi (2018)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Camelia Gradinaru (2018)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Ina Ika Pratita et al. (2018)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Niemela-Nyrhinen & Seppanen (2019)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Zia & Yessi (2019)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Dedi Febrianti (2019)	KL	Y	Y	T	Y	Y	4/5	Y
Aull (2019)	RC	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Elfiondri et al. (2019)	RC	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Graham (2019)	KL	Y	T	Y	Y	Y	4/5	Y
Temmy & Maulid (2020)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Yuli Widiana et	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).


al. (2020)								
Masni Jamin et al. (2020)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Berriche & Altay (2020)	RC	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Rula (2020)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Yeni Ernawati (2021)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Wang & Happio-Kirk (2021)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y
Danny Kaplan (2021)	KL	Y	Y	Y	Y	Y	5/5	Y

SP = Soalan Penilaian, KL = Kualitatif, KN (D) = Kuantitatif Deskriptif, KN (BR) = Kuantitatif Bukan Rawak, RC = Reka Bentuk Campuran, T = Tidak diketahui, Y = Ya, T = Tidak

2.2.5. Sintesis dan analisis data

Penilaian menggunakan panduan MMAT adalah langkah terakhir untuk proses pemilihan artikel. Proses pemilihan artikel disusuli dengan proses mensintesis dan menganalisis data. Untuk mengeluarkan data dengan lebih sistematik dan teratur, kajian ini menggunakan analisis tematik. Menurut Braun dan Clarke (2019) dalam penulisan Shaffril et al. (2020), analisis tematik adalah bentuk analisis untuk mengenal pasti corak kajian lepas dengan mencari persamaan atau hubungan yang wujud dalam data yang sudah tersedia. Maksud analisis tematik seperti yang dinyatakan sesuai dengan keperluan pengkaji untuk mencari data dalam himpunan kajian lepas. Rajah 1 memaparkan secara ringkas aliran proses pemilihan artikel bermula pada proses identifikasi, penyaringan, kesahan dan penerimaan artikel dalam sorotan literatur bersistematik ini.

Rajah 1: Aliran proses pemilihan artikel



© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Seterusnya, tema dibentuk berdasarkan persoalan kajian yang telah dirumus. Berdasarkan persoalan kajian, tema yang dapat dibentuk adalah penggerak komunikasi dan teknologi, kerangka kajian penggerak komunikasi dan perkembangan kajian penggerak komunikasi. Pembentukan tema adalah penting dalam mengkategorikan data yang telah dikeluarkan daripada himpunan kajian lepas melalui analisis tematik. Tema ini telah diteliti dan dipersetujui oleh pakar dalam bidang bahasa, iaitu salah seorang penulis kajian ini.

3. Hasil Kajian

Sebanyak 24 artikel yang dipilih memiliki aspek kajian yang berbeza bukan sahaja dari segi metodologi, analisis dan dapatan, tetapi juga dari aspek latar belakang kajian. Melalui 24 artikel yang terpilih untuk sorotan literatur bersistematik ini, latar belakang negara dan reka bentuk kajian ditaburkan dalam bentuk carta bar untuk rujukan pengkaji seterusnya. Pemaparan data latar belakang kajian adalah penting dalam sorotan literatur bersistematik yang menghimpunkan kajian dari seluruh negara.

Daripada 24 artikel yang terpilih dalam sorotan literatur bersistematik ini, majoriti kajian adalah dari negara Indonesia. Sembilan kajian dari Indonesia adalah Gema Febriansyah (2017), Rosita Ambarwati (2017), Ina Ika Pratita et al. (2018), Zia dan Yessi (2019), Dedi Febrianti (2019), Elfiondri et al. (2019), Temmy dan Maulid (2020), Yuli Widiana et al. (2020) dan Yeni Ernawati (2021). Manakala kajian dari Finland dan Sepanyol masing-masing mencatatkan tiga kajian. Kajian dari Finland adalah kajian oleh Taipale dan Farinosi (2018), Camelia Gradinaru (2018), Niemela-Nyrhinen dan Seppanen (2019) dan kajian dari Sepanyol terdiri daripada kajian oleh Francisco Yus (2017), Maiz-Arevalo (2017) dan Aull (2019). Seterusnya, kajian dari Amerika Syarikat dan United Kingdom masing-masing ditemui dengan dua kajian. Kajian dari Amerika Syarikat terdiri daripada kajian oleh Hayes et al. (2016) dan Graham (2019), manakala kajian dari United Kindom oleh Wang dan Tucker (2016) serta Wang dan Happio-Kirk (2021). Jumlah minoriti kajian adalah kajian dari Malaysia, Masni Jamin et al. (2020), kajian dari Jordan, Rula (2020), kajian dari Israel, Danny Kaplan (2021) dan kajian dari Perancis, Berriche dan Altay (2020).

Dalam aspek reka bentuk kajian pula, majoriti kajian sebanyak 19 kajian adalah kajian kualitatif. 19 kajian ini terdiri daripada kajian Hayes et al. (2016), Wang dan Tucker (2016), Francisco Yus (2017), Maiz-Arevalo (2017), Rosita Ambarwati (2017), Taipale dan Farinosi (2018), Camelia Gradinaru (2018), Ina Ika Pratita et al. (2018), Niemela-Nyrhinen dan Seppanen (2019), Zia dan Yessi (2019), Dedi Febrianti (2019), Graham (2019), Temmy dan Maulid (2020), Yuli Widiana et al. (2020), Masni Jamin et al. (2020), Rula (2020), Yeni Ernawati (2021), Wang dan Happio-Kirk (2021) serta Danny Kaplan (2021). Kajian dengan reka bentuk campuran, kualitatif dan kuantitatif pula adalah kajian oleh Gema Febriansyah (2017), Aull (2019), Elfiondri et al. (2019) serta Berriche dan Altay (2020).


Untuk menjalankan sesebuah penyelidikan, pengkaji biasanya perlu merangka metodologi yang bersesuaian. Dalam mencari metodologi yang bersesuaian, kajian-kajian lepas perlu ditelaah dan dilihat. Pemaparan penilaian MMAT membantu memudahkan pembaca melihat kajian lepas yang lebih relevan berbanding mencari kajian penggerak komunikasi lepas secara manual seperti mencari dalam pangkalan data tertentu. Rajah 2 dan Rajah 3 sementelahan memudahkan lagi pembaca melihat

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).


Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

latar belakang negara dan reka bentuk kajian lepas yang terpilih secara mudah dalam satu rajah.

Rajah 2: Latar belakang negara kajian



Rajah 3: Reka bentuk kajian



Berdasarkan analisis tematik yang dilakukan, sorotan literatur bersistematik ini melahirkan tiga tema penting dalam himpunan kajian penggerak komunikasi. Tema yang menyenaraikan fokus kajian penggerak komunikasi termasuklah sumber pemerolehan data dan populasi atau teknologi yang menimbulkan unsur penggerak komunikasi. Tema kajian penggerak komunikasi secara bersemuka dan kajian penggerak komunikasi dan teknologi memperlihatkan kajian lepas dengan lebih teratur, sekaligus menghuraikan dapatan kajian yang memberi sumbangan kepada perkembangan kajian penggerak komunikasi.

3.1. Fokus kajian penggerak komunikasi

Majoriti kajian penggerak komunikasi berdasarkan ujaran bersemuka adalah kajian di negara Indonesia. Kajian menumpukan kepada golongan individu tertentu yang memiliki latar belakang atau demografi yang berbeza. Terdapat juga kajian yang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

berpandukan kepada ujaran dalam perbualan melalui data yang sudah dikumpulkan seperti data korpus seperti kajian oleh Gema Febriansyah (2017). Gema Febriansyah (2017) melakukan kajian penggerak komunikasi berdasarkan korpus bahasa Inggeris dan korpus bahasa Indonesia. Berbeza dengan Ina Ika Pratita et al. (2018), para pengkaji memfokuskan aspek penggerak komunikasi melalui penutur bahasa Jepun di Surabaya, Indonesia. Ina Ika Pratita et al. (2018) adalah satu-satnya kajian dalam sorotan literatur bersistematik ini yang meneliti aspek penggerak komunikasi bahasa lain seperti Bahasa Jepun di negara yang kebanyakan penutur menuturkan bahasa ibunda, bahasa Indonesia.

Pengkaji lain di Indonesia memfokuskan unsur penggerak komunikasi dalam bahasa Indonesia, tetapi berlainan demografi kumpulan fokusnya. Zia dan Yessi (2019) memfokuskan kepada remaja berusia 18 hingga 24 tahun dari suku Melayu yang tinggal di Kota Batam. Manakala Dedi Febrianto (2019) memilih siaran komedi bermusim sebagai fokus kajian. Elfiondri et al. (2019) melihat penggerak komunikasi melalui pemandu teksi Ojek yang menumpangkan pelancong asing di Mentawai, manakala Temmy dan Maulid (2020) melihat penggerak komunikasi dalam masyarakat asli Minangkabau, khususnya yang tinggal di Kota Padang. Yuli Widiana et al. (2020) memilih aspek jantina seperti golongan wanita Jawa untuk melihat unsur penggerak komunikasi dan Yeni Ernawati (2021) pula memilih untuk melihat penggerak komunikasi dalam masyarakat yang menuturkan bahasa Palembang di Indonesia. Terdapat sebuah kajian yang relevan dan terkini di Malaysia oleh Masni Jamin et al. (2020) yang memfokuskan kepada guru pelatih dan murid dalam menjalani sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di sekolah-sekolah daerah Kubang Pasu, Malaysia. Di Jordan, penggerak komunikasi turut mendapat tempat dalam bidang perubatan di mana Rula (2020) memfokuskan kajian penggerak komunikasi melalui ujaran bersemuka dalam kalangan pesakit dan doktor di klinik dalam hospital Jordan.

Kajian penggerak komunikasi berpaksikan teknologi komunikasi pula majoritinya memfokuskan kepada platform-platform perhubungan yang wujud di alam maya. Hayes et al. (2016) melihat unsur penggerak komunikasi dalam Twitter dan Facebook dalam kalangan pengguna di bandar New York. Facebook dan Twitter turut menjadi fokus untuk dilihat unsur penggerak komunikasinya oleh pengkaji Maiz-Arevalo (2017), Rosita Ambarwati (2017) serta Berriche dan Altay (2020). Namun, Rosita Ambarwati (2017) mengecilkan fokus kajian hanya untuk golongan wanita di Facebook sahaja, manakala Berriche dan Altay (2020) memfokuskan kepada Facebook Santé + Mag. Danny Kaplan (2021) juga mengambil contoh-contoh data dari Facebook dan Twitter sebagai fokus kajian. Di sisi yang lain, Wang dan Tucker (2016) memfokuskan penilaian semula konsep token perlambangan Giddens.

WhatsApp merupakan platform yang popular dalam kalangan pengguna aplikasi perhubungan di seluruh dunia. Aplikasi ini dipilih oleh pengkaji seperti Francisco Yus (2017), Taipale dan Farinosi (2018) serta Aull (2019) sebagai fokus kajian. Sementara itu, Camelia Gradinaru (2018) memilih kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penggerak komunikasi dalam teknologi. Niemela-Nyrhinen dan Seppanen (2019) turut memilih kajian lepas dalam aspek penggerak komunikasi dan teknologi digital, tetapi memfokuskan kepada unsur visual dan fotografi. Graham (2019) dalam kajiannya memilih fokus yang berbeza berbanding pengkaji lain, iaitu emoji dalam ruangan perbualan di platform penstriman permainan video Twitch.tv. Wang dan Haapio-Kirk (2021) juga salah satu pengkaji yang memilih fokus yang berbeza berbanding pengkaji lain di mana aplikasi perhubungan LINE dan WeChat telah dipilih. Perbezaan pemilihan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

platform berbeza dari Wang dan Haapio-Kirk (2021)adalah kerana perbezaan majoriti penggunaan platform perhubungan di setiap negara.

3.2. Kajian penggerak komunikasi dalam perbualan

Dalam perbualan seharian, terdapat pelbagai tujuan komunikasi yang dapat ditemui termasuklah sebagai penggerak komunikasi. Ujaran penggerak komunikasi yang berbeza mengikut budaya masyarakat (Malinowski, 1923) menghasilkan pengkajian dalam aspek penggerak komunikasi yang berbeza dapatannya. Gema Febriansyah (2017) dalam kajiannya menemui lima fungsi ujaran penggerak komunikasi iaitu fungsi ekspresi, menyampaikan maklumat, ingin tahu, pujukan dan hiburan. Kajian Gema Febriansyah (2017) turut menemui perbezaan di antara ujaan penggerak komunikasi bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris. Bahasa Indonesia lebih cenderung menggunakan ujaran penggerak komunikasi dengan fungsi ekspresi, menyampaikan maklumat dan pujukan. Manakala Bahasa Inggeris cenderung menggunakan ujaran yang berfungsi ingin tahu dan hiburan.

Terdapat beberapa kajian yang melihat penggerak komunikasi dalam perbualan melalui aspek kesantunan seperti kajian Ina Ika Pratita et al. (2018) dan Dedi Febrianto (2019). Ina Ika Pratita et al. (2018) menemui bahawa terdapat tiga jenis pemula bicara dalam kalangan penutur bahasa Jepun di Surabaya iaitu ujaran bertegur sapa, ujaran kesantunan dan ujaran beramah-mesra sebagai penyantun. Dedi Febrianto (2019)pula menemui 37 jenis ujaran yang berkait dengan kesantunan dalam siri televisyen komedi Friends dengan mengetengahkan solidariti dan hormat-menghormati sebagai strategi kesantunan. Zia dan Yessi (2019) dalam kajiannya mengkategorikan bentuk ujaran penggerak komunikasi bahasa Melayu di Kota Batam dalam tiga bentuk iaitu kata, frasa dan gabungan. Analisis kajian Dedi Febrianto (2019) turut memperlihatkan fungsi penggerak komunikasi sebagai untuk menghentikan bicara, untuk membuktikan sesuatu, menegaskan, pengesahan, untuk meyakinkan, pemula dan penutup bicara. Dalam kalangan pemandu teksi *Ojek* pula, Elfiondri et al. (2019) menemui jenis penggerak komunikasi yang digunakan adalah arahan, lakuan, ekspresi dan mengisytiharkan. Pemandu *Ojek* juga menggunakan ungkapan penggerak komunikasi yang berfungsi sebagai sapaan, mengalukan, memanggil, menolak, bersetuju, memuji dan memohon maaf. Topik ujaran penggerak komunikasi yang digunakan oleh pemandu *Ojek* pula adalah keselamatan, kesihatan, prestasi, keluarga, perkahwinan, ucapan, waktu, aktiviti dan destinasi.

Dalam aspek bentuk penggerak komunikasi penutur Minangkabau pula, Temmy dan Maulid (2020) menemui dua fungsi iaitu sebagai sapaan dan ucapan perpisahan. Kajian ini turut melihat faktor yang mempengaruhi penggunaan dua bentuk ujaran penggerak komunikasi yang telah dinyatakan. Antara faktornya adalah perbezaan situasi, kerabat, umur, pangkat, status sosial, jantina, status perkahwinan, keakraban perhubungan dan tujuan perbualan. Kajian penggerak komunikasi dalam kalangan wanita Jawa oleh Yuli Widiana et al. (2020) menemukan fungsi penggerak komunikasi seperti pemula bicara, mengukuhkan keakraban, pujian, meluahkan kebahagiaan dan pujukan. Dalam bidang pendidikan, Masni Jamin et al. (2020) memperlihatkan bentuk dan fungsi penggerak komunikasi dalam sesi PdPd di antara guru pelatih dan murid di daerah Kubang Pasu. Ujaran penggerak komunikasi dikategorikan kepada tiga bentuk seperti partikel, kata dan frasa. Fungsi penggerak komunikasi dalam sesi PdPc pula adalah salam, terima kasih, pemula bicara, bertanya khabar, mengawal kesenyapan dan sebagai penegas.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Selain bidang pendidikan, terdapat pengkaji yang meneliti penggerak komunikasi dalam bidang perubatan seperti Rula (2020). Rula (2020) merujuk penggerak komunikasi sebagai *small talk* atau berbasa-basi. Bentuk basa-basi yang ditemui dalam perbualan di antara pesakit dan doktor di klinik adalah pujian, gurauan dan ketawa. Tambah Rula (2020), penerimaan basa-basi oleh peserta perbualan membantu memudahkan komunikasi dalam situasi perubatan. Seperti kajian Masni Jamin et al. (2020) dan Yeni Ernawati (2021) juga mengkategorikan ujaran penggerak komunikasi dalam bentuk partikel, kata dan frasa. Yeni Ernawati (2021) menemui beberapa fungsi penggerak komunikasi dalam bahasa Palembang seperti pemula bicara, meluahkan kekecewaan, meluahkan rasa tidak percaya, kehairanan, menegaskan sesuatu, menyatakan keakraban, permintaan, mempertahankan sesuatu dan penutup bicara.

3.3. Kajian penggerak komunikasi dan teknologi

Kewujudan platform perhubungan telah menimbulkan situasi komunikasi di media sosial. Kedinamikan komunikasi kini membawa pengkaji ke arah kajian penggerak komunikasi melibatkan teknologi perhubungan. Terdapat beberapa kajian dalam himpunan kajian lepas ini yang meneliti teknologi sebagai penggerak komunikasi seperti kajian Hayes et al. (2016), Niemela-Nyrhinen dan Seppanen (2019), Aull (2019) dan Graham (2019). Ujaran penggerak komunikasi dalam platform perhubungan juga ditelusuri oleh pengkaji seperti Wang dan Tucker (2016), Francisco Yus (2017), Maiz-Arevalo (2017), Rosita Ambarwati (2017), Taipale dan Farinosi (2018), Camelia Gradinaru (2018), Berriche dan Altay (2020), Wang dan Happio-Kirk (2021) serta Danny Kaplan (2021).

Hayes et al. (2016) menemui bahawa setiap *PDAs* seperti tanda suka tidak sama fungsi dan tujuannya dalam setiap platform media sosial. Tanda suka di Facebook adalah lebih kepada reaksi, manakala tanda suka di Instagram adalah lebih kepada tingkah laku selektif. Faktor penggunaan *PDAs* adalah disebabkan interpretasi literal, tanda dilihat awam, sokongan sosial dan untuk tujuan utilitarian. Tambah Hayes et al. (2016), *PDAs* berfungsi lebih daripada penggerak komunikasi termasuklah untuk komunikasi yang bermakna. Selain *PDAs*, teknologi itu sendiri yang berunsurkan penggerak komunikasi dibuktikan melalui pengkaji Niemela-Nyrhinen dan Seppanen (2019). Melalui kajian tinjauan kepustakaan ini, Niemela-Nyrhinen dan Seppanen (2019) mendapati bahawa terdapat komunikasi interpersonal dalam media visual di Internet. Pengurusan hubungan interpersonal adalah fungsi sosial utama penggerak komunikasi fotografi. Fungsi sosial dikaitkan dengan jenis indeksikal dalam konsep fotografi dan komunikasi.

Kewujudan emoji dahulunya dimulai dengan emotikon. Emotikon telah melalui evolusi dari segi reka bentuk dan kini dirujuk sebagai emoji. Aull (2019) dan Graham (2019) meneliti emoji sebagai penggerak komunikasi, masing-masing dalam aplikasi WhatsApp dan laman penstriman Twitch.tv. Aull (2019) mendapati bahawa emoji menggambarkan dan membantu membina hubungan sosial sama seperti fungsi ujaran dalam berkomunikasi. Di samping itu, Graham (2019) menemui bahawa emoji dalam perbualan di laman penstriman Twitch bertindak sebagai penanda penggerak komunikasi, di mana pengguna menggunakan emoji sebagai peranti penggerak komunikasi untuk menyesuaikan diri dalam kebiasaan komuniti digital.

Platform perhubungan di alam maya juga memiliki situasi komunikasi seperti perbualan. Francisco Yus (2017) serta Taipale dan Farinosi (2018) melihat ujaran penggerak komunikasi dalam aplikasi WhatsApp. Francisco Yus (2017) melalui

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kajiannya mendapati bahawa ungkapan penggerak komunikasi di WhatsApp menggantikan kehilangan kesan yang dihasilkan oleh proposisi kandungan. Ungkapan yang memiliki unsur penggerak komunikasi juga boleh difahami sebagai bukan penggerak komunikasi di mana kedua-dua interlokutor memahami interpretasi atau makna harfiah ungkapan yang dimaksudkan. Francisco Yus (2017) turut melihat sudut semantik melalui analisis Teori Relevan dan mendapati bahawa interpretasi penggerak komunikasi memiliki implikatur yang lemah.

Sementara itu, Taipale dan Farinosi (2018) mendapati bahawa ciri kumpulan WhatsApp mampu mengekal dan memelihara perhubungan keluarga dnegan membekalkan mod komunikasi segerak dan tidak segerak. Dapatan dalam bidang komunikasi ini membuktikan bahawa pengguna bahan visual dalam kumpulan WhatsApp mampu mengekspresikan emosi dengan hanya satu klik. Terdapat beberapa platform pemesejan yang terkenal selain daripada WhatsApp iaitu LINE dan WeChat. Seperti Niemela-Nyrhinen dan Seppanen (2019) serta Wang dan Happio-Kirk (2021) juga melihat unsur penggerak komunikasi dalam komunikasi visual. Walau bagaimanapun, Wang dan Haapio-Kirk (2021) meluaskan skop kepada media visual lain seperti pelekat. Menurut Wang dan Haapio-Kirk (2021), komunikasi visual menjadikan penggerak komunikasi semakin berkesan di mana pelekat membenarkan pengguna untuk mengekspresikan emosi dan perasaan dengan lebih baik dalam komunikasi di alam digital.

Platform seperti Facebook dan Twitter mengetengahkan komunikasi dalam media yang lebih luas. Antara pengkaji yang melihat unsur penggerak komunikasi dalam platform-platform ini adalah Rosita Ambarwati (2017), Berriche dan Altay (2020), dan Danny Kaplan (2021). Rosita Ambarwati (2017) melihat aspek keharmonian sebagai penggerak komunikasi dalam kalangan wanita di Facebook. Kajian mendapati bahawa wujudnya keharmonian dalam komunikasi, bertujuan untuk mengekalkan hubungan yang baik. Antara penanda penggerak komunikasi adalah ekspresi ketawa, ujaran basa-basi seperti sapaan dan ucapan terima kasih.

Berriche dan Altay (2020) pula melihat aspek penggerak komunikasi dalam sudut isu maklumat kesihatan. Dalam kajian ini, siaran berunsurkan penggerak komunikasi telah disiarkan sebanyak lebih dari 50%. Interaksi dalam siaran berunsurkan penggerak komunikasi adalah lebih banyak berbanding siaran mengenai maklumat kesihatan yang tidak sahih. Dapatan ini disokong oleh hipotesis bahawa pengguna Internet di Facebook lebih gemar berinteraksi dengan rakan dan keluarga melalui perkongsian siaran yang boleh mengekalkan hubungan sosial. Danny Kaplan (2021) melihat penggerak komunikasi dalam aspek keintiman awam di media sosial. Kajian ini menemukan transaksi penggerak komunikasi sebagai komunikasi berkod. Ujaran penggerak komunikasi adalah salah satu gerak isyarat awam untuk keakraban yang eksklusif.

Berlatar belakangkan sesi pembelajaran dan perbincangan secara forum dalam talian, Maiz-Arevalo (2017) menemui dapatan bahawa pelajar menggunakan ujaran penggerak komunikasi untuk meningkatkan semangat Kerjasama dalam menyiapkan tugasan berkumpulan. Namun, terdapat juga kumpulan pelajar yang mengelak daripada menggunakan ujaran penggerak komunikasi. Pengkaji mendapati kumpulan yang gemar menggunakan ujaran penggemar komunikasi menghasilkan tugasan yang baik. Antara ujaran penggerak komunikasi yang digunakan adalah seperti sapaan, ujaran perpisahan, komen neutral dan komen peribadi.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dalam konteks penggerak komunikasi dan teknologi, Wang dan Tucker (2016) serta Camelia Gradinaru (2018) membincangkan dan menilai kajian-kajian lepas untuk mewujudkan dapatan yang baru. Menurut Wang dan Tucker (2016), kita perlu memahami secara konseptual tentang transformasi peribadi dan perlakuan sosial yang muncul daripada kebangkitan teknologi. Transformasi ini memberi kesan kepada pemahaman terhadap masyarakat kontemporari dan membawa kepada system sosial yang diberi nama sistem penggerak komunikasi. Wang dan Tucker (2016) membina konsep penggerak komunikasi dalam masyarakat digital agar pengkaji pada masa hadapan lebih memahami masyarakat digital dari sudut komunikasi.

Camelia Gradinaru (2018) meninjau kembali pemahaman mengenai konsep penggerak komunikasi untuk diselarikan dengan kebangkitan dunia digital. Penggerak komunikasi di alam digital kini boleh ditemui dalam perbualan basa-basi, konvensyen ritualistik, gerak isyarat indeksikal, perbualan kasual dan gosip. Penggerak komunikasi boleh dikatakan setara dengan bahasa ujaran yang tidak penting atau basa-basi.

4. Perbincangan

Penyenaraian kajian penggerak komunikasi dalam perbualan dan keterlibatan teknologi dalam aspek ini memperlihatkan aliran kajian yang semakin berkembang. Pada mulanya, kajian penggerak komunikasi berlandaskan perbualan dalam komunikasi seharian. Kedinamikan kajian adalah berasaskan perbezaan budaya, bahasa dan masyarakat. Kedinamikan ini seiring dengan pernyataan oleh perintis penggerak komunikasi, Malinowski (1923) yang menyatakan bahawa penggunaan penggerak komunikasi adalah berbeza mengikut budaya masyarakat. Kajian penggerak komunikasi tidak akan terhenti setakat ini memandangkan faktor yang mempengaruhi kedinamikan bahasa seperti budaya masyarakat juga berubah dari masa ke masa. Pengkaji seterusnya perlu melihat situasi komunikasi atau situasi berbahasa yang terkini dan mengisi ruang kajian penggerak komunikasi.

Melalui sorotan literatur bersistematik ini, dapatan-dapatan kajian lepas telah memberi sumbangan dalam aspek bentuk, konsep dan fungsi penggerak komunikasi. Bentuk penggerak komunikasi ada dikategorikan dalam bentuk partikel, kata dan frasa. Namun, pastinya bentuk penggerak komunikasi ini berbeza-beza mengikut fokus dan skop kajian. Konsep penggerak komunikasi juga kini melibatkan penggunaan teknologi. Memandangkan kita sudah bergantung kepada teknologi untuk berkomunikasi, teknologi penggerak komunikasi sudah menjadi keperluan untuk berinteraksi dan bersosial dan proses ini dikenali sebagai pembiasaan teknologi penggerak komunikasi. Oleh itu, penilaian semula konsep penggerak komunikasi dan menyesuaikannya dengan teknologi komunikasi yang semakin berkembang adalah usaha yang perlu dilakukan oleh pengkaji untuk memenuhi ruang yang wujud dalam pengkajian penggerak komunikasi.

Memandangkan bentuk ujaran penggerak komunikasi yang berbeza-beza, fungsi penggerak komunikasi juga pasti berbeza. Pengkategorian bentuk ujaran penggerak komunikasi dalam kategori seperti partikel, kata dan frasa memudahkan pembaca untuk melihat corak penggunaan ujaran penggerak komunikasi dalam demografi atau bahasa yang tertentu. Kerangka bentuk ujaran penggerak komunikasi pada awalnya diaplikasikan oleh Harimurti Kridalaksana (1999) dan seterusnya dirujuk oleh pengkaji lain seperti Masni Jamin et al. (2020) dan Yeni Ernawati (2021). Manakala ada kajian lain yang hanya mengkategorikan bentuk ujaran penggerak komunikasi tanpa perlu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

merujuk kerangka pengkaji lain, contohnya Temmy dan Maulid (2020) serta Rula (2020). Hal ini tidak mendatangkan masalah kerana penggerak komunikasi tidak mempunyai kerangka yang tetap untuk menganalisis bentuknya.

Walaupun hasil kajian menemui fungsi penggerak komunikasi yang hampir sama seperti pemula bicara, penutup bicara, sapaan, ucapan terima kasih, permohonan maaf dan sebagainya, namun corak fungsi penggerak komunikasi dalam setiap kajian adalah berbeza. Menariknya, teknologi yang digunakan dalam berkomunikasi seperti bentuk visual dan tanda suka juga mempunyai fungsi sebagai penggerak komunikasi seperti dalam kajian Niemela-Nyrhinen dan Seppanes (2019) serta Graham (2019). Perbezaan dan persamaan fungsi ujaran penggerak komunikasi dalam setiap bahasa atau demografi tertentu memberi panduan kepada pengkaji seterusnya untuk meneliti penggerak komunikasi berdasarkan fokus kajian yang lain seperti jantina, status dan sebagainya. Dalam sorotan ini, hanya kajian Rosita Ambarwati (2017) yang melihat aspek penggerak komunikasi dalam kalangan wanita.

Antara cadangan kajian masa hadapan dan ruang kajian yang boleh diisi adalah dalam aspek demografi sampel kajian atau fokus kajian yang lebih spesifik. Contohnya kajian penggerak komunikasi dalam kalangan generasi tertentu seperti generasi Z yang lebih kreatif dengan trend penggunaan bahasa sama ada di media sosial atau secara bersemuka. Buckingham (2007) menyatakan bahawa perhubungan di alam maya menjadi pilihan utama dalam kalangan generasi muda untuk berkomunikasi. Generasi muda lebih cenderung untuk menggunakan variasi bahasa komunikasi di Internet yang bersifat lebih dinamik mengikut perubahan trend semasa. Untuk memenuhi fungsi sosial, ujaran penggerak komunikasi oleh generasi Z di Internet mungkin berbeza dengan ujaran penggerak komunikasi oleh generasi lain, contohnya dari segi bentuk ujaran atau corak bahasanya. Ujaran penggerak komunikasi oleh generasi Z di Internet memberi suatu pandangan awal tentang kedinamikan bahasa komunikasi Internet kerana bahasa yang diujarkan oleh generasi ini biasanya trend dalam kalangan pengguna Internet.

Penambahan dan pengisian ruang yang ada dalam kajian penggerak komunikasi bukan sahaja mampu memperkaya konsep komunikasi, tetapi juga dalam bidang bahasa yang sentiasa berkait rapat dengan bidang komunikasi. Teknologi komunikasi yang melahirkan media yang memiliki unsur penggerak komunikasi seperti ujaran, emoji dan sebagainya di media sosial boleh dilihat dari perspektif Bahasa. Penggunaan pendekatan bahasa dan linguistik mampu menghasilkan dapatan kajian yang berbeza dengan dapatan kajian yang berteraskan bidang komunikasi. Pendekatan bahasa mampu menghuraikan bentuk dan struktur bahasa yang digunakan dalam komunikasi digital. Hasilnya, pengkaji dari pelbagai bidang mampu melihat penggerak komunikasi dalam pelbagai perspektif dan lebih memahami masyarakat dan bahasa alam digital.

Walaupun teknologi komunikasi kini semakin mendapat tempat dalam kajian penggerak komunikasi, ujaran secara bersemuka tidak boleh diabaikan. Penggerak komunikasi bukan sahaja memberi sumbangan kepada bidang komunikasi dan bahasa, tetapi juga pelbagai bidang lain termasuk bidang perubatan dan pendidikan. Contohnya, Rula (2020) menyatakan bahawa kajian penggerak komunikasi dalam bidang perubatan memberi panduan untuk komunikasi yang lebih lancar bersama pesakit. Kajian penggerak komunikasi sentiasa mempunyai ruang untuk diisi memandangkan sifat bahasa itu sendiri adalah dinamik. Hal ini disokong dengan pernyataan oleh Harimurti

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kridalaksana (1999) bahawa penggerak komunikasi tidak boleh diabaikan dalam kajian bahasa.

5. Kesimpulan

Sorotan literatur bersistematik ini menghimpunkan kajian penggerak komunikasi berdasarkan proses yang teratur untuk hasil himpunan kajian yang bersistematik. Walau bagaimanapun, himpunan kajian ini terbatas hanya untuk kajian yang dapat ditemui di pangkalan data Google Scholar dan Scopus sahaja. Kajian yang relevan dan terkini dihimpunkan dari tahun 2016 hingga 2021. Oleh itu, dapatan sorotan literatur bersistematik ini memperlihatkan lebih banyak kajian penggerak komunikasi berasaskan teknologi komunikasi. Protokol ROSES dan panduan MMAT digunakan untuk mengurangkan kelompangan kajian seperti pemilihan kajian yang tidak relevan. Kedua-dua panduan dan protokol ini juga memandu penganalisisan tema dan perbincangan berlandaskan himpunan kajian penggerak komunikasi.

Sorotan ini menghimpunkan 23 artikel dari beberapa buah negara seperti Malaysia, Indonesia, Jordan, Sepanyol, Perancis, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Finland. Aspek reka bentuk kajian dan negara digariskan agar pembaca boleh mengetahui latar belakang kajian. Dalam himpunan ini, fokus kajian dipilih sebagai tema untuk memudahkan pembaca memilih kajian lepas yang relevan dengan objektif kajian. Seterusnya, kajian penggerak komunikasi dibahagikan kepada kajian penggerak komunikasi dalam perbualan dan kajian penggerak komunikasi yang berkait dengan teknologi. Secara ringkasnya, tema seperti fokus kajian dan pengkategorian kajian penggerak komunikasi memudahkan pembaca untuk mencari kajian lepas yang relevan dengan keperluan pembaca. Melalui sorotan literatur bersistematik ini, bentuk, fungsi dan konsep penggerak komunikasi dalam pelbagai bidang tertentu juga dapat dilihat.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini dibiayai oleh geran penyelidikan FRGS (FRGS/1/2020/SS10/UKM/02/14).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang mempunyai sebarang konflik kepentingan sepanjang penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Berriche, M., & Altay, S. (2020). Internet users engage more with phatic posts than with health misinformation on Facebook. *Palgrave Communications*, *6*(1). https://doi.org/10.1057/s41599-020-0452-1

Buckingham. (2007). Digital media literacies: Rethinking media education in the age of the internet. *Research in Comparative and International Education*, *2*(1), 43-55. https://doi.org/10.2304/rcie.2007.2.1.43

Aull, B. (2019). A study of phatic emoji use in WhatsApp communication. *Internet Pragmatics*, *2*(2), 206–232. https://doi.org/10.1075/ip.00029.aul

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Braun, V., & Clarke, V. (2019). Reflecting on reflexive thematic analysis. *Qual Res Sport Exerc Health, 11*(4), 589–597. https://doi.org/10.1080/2159676X.2019.1628806

Camelia Gradinaru. (2018). Small talk in our digital everyday life: The contours of a phatic culture. *Meta: Research in Hermeneutics, Phenomenology and Practical Philosophy*, 459-472.

Danny Kaplan. (2021). Public intimacy in social media: The mass audience as a third party. *Media, Culture & Society*, *43*(4), 595-612. https://doi.org/10.1177/0163443721991087

Dedi Febrianto. (2019). A pragmatic analysis of politeness strategies applied in the use of humorous phatic utterances. *Loquen: English Studies Journal*, *12*(2), 66-75. http://dx.doi.org/10.32678/loquen.v12i02

Elfiondri, Nova Rina, Zaitul, Faisal Mustafa, Mariati & Irma. (2019). English and Indigenous Mentawai tradition: The case of using English phatic communion spoken by Ojek drivers in Siberut Mentawai, Indonesia. *Asian EFL Journal Research Articles*, *23*(6), 129-141.

Francisco Yus. (2017). Contextual constraints and non-propositional effects in WhatsApp communication. *Journal of Pragmatic*, 114, 66-68. https://doi.org/10.1016/j.pragma.2017.04.003

Gema Febriansyah S. Hum. (2017). Ungkapan fatis dalam Bahasa Inggris dan Bahasa Indonesia. *Academia*. https://www.academia.edu/34849085/UNGKAPAN_FATIS_DALAM_BAHASA_INGGRIS_DAN_BAHASA_INDONESIA

Graham, Sage L. (2019). A wink and a nod: The role of emojis in forming digital communities. *Multilingua*, *38*(4), 1-24. https://doi.org/10.1515/multi-2018-0037

Haddaway, N. R., Macura, B., Whaley, P., & Pulin, A. S. (2018). ROSES reporting standards for systematic evidence syntheses: pro forma, flow-diagram and descriptive summary of the plan and conduct of environmental systematic reviews and systematic maps. *Environ Evid, 7*(7). https://doi.org/10.1186/s13750-018-0121-7

Harimurti Kridalaksana. (1999). *Tata Wacana Deskriptif Indonesia*. Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia.

Hayes, Rebecca A., Caleb T. C., & Donghee Y. W. (2016). One click, many meanings: Interpreting paralinguistic digital affordances in social media. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, *60*(1), 171-187. https://doi.org/10.1080/08838151.2015.1127248

Higgins, J. P. T, Altman, D.G., Gotzsche, P.C., Juni, P., Moher, D., Oxman, A. D., . . . Sterne, J. A. C. (2011). The cochrane collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials. *BMJ*, 343, 5928–5928. https://doi.org/10.1136/bmj.d5928

Hong, Q. N., Fàbregues, S., Bartlett, G., Boardman, F., Cargo, M., Dagenais, P., . . . Vedel, I. (2018). The mixed methods appraisal tool (MMAT) version 2018 for information professionals and researchers. *Educ Inf*, *34*(4), 285–291.

Ina Ika Pratita, Masilva Raynaz Mael & Didik Nurhadi. (2018). Aisatsu as phatic communion (tatemae) in the daily life of Japanese people. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 222, 257-260.

Jakobson, R. (1960). Concluding statement: Linguistics and poetics. In T. Sebeok, *Style in Language*, (pp. 350-377). Cambridge: MIT Press.

Maiz-Arevalo, C. (2017). Small talk is not cheap: Phatic computer-mediated communication in intercultural classes. *COMPUTER ASSISTED LANGUAGE LEARNING*, *30*(5), 432-446. https://doi.org/10.1080/09588221.2017.1304423

Malinowski, B. (1923). The Problem of Meaning in Primitive Languages. In Ogden, C. K., & Richards, I. A. *The Meaning of Meaning*. Harcourt Brace.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Masni Jamin, Melor Fauzita Md. Yusoff & Mashetoh Abd. Mutalib. (2020). Analisis ungkapan fatis dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru pelatih. *MANU, 31*(1), 51-72.

Miller, V. (2015). Phatic culture and the status quo: Reconsidering the purpose of social media activism. *Convergence: The International Journal of Research into New Media Technologies*, *23*(3), 251-269. https://doi.org/10.1177/1354856515592512

Niemela-Nyrhinen, J. & Seppanes, J. (2019). Visual communion: The photographic image as phatic communication. *New media & society*, 1-15. https://doi.org/10.1177/1461444819876237

Rosita Ambarwati. (2017). Harmoni dan solidaritas perempuan di jejaring sosial Facebook (kajian pragmatik). *Linguista, 1*(1), 36-46.

Rula Ahmad Mahmoud Abu-Elrob. (2020). Small talk in Arabic medical encounters: A conversation analytic study. *Communication & Medicine*, *17*(1), 4-16. https://doi.org/10.1558/cam.17885

Shaffril, H. A. M., Samsuddin, S. F., & Abu Samah, A. (2020). The ABC of systematic literature review: The basic methodological guidance for beginners, *Quality & Quantity: International Journal of Methodology*, *55*(4), 1319-1346. https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6

Shaffril, H. A. M., Krauss, S. E., & Samsuddin, S. F. (2018). A systematic review on Asian's farmers' adaptation practices towards climate change. *Science of the Total Environment*, 644, 683-695. https://doi.org/10.1016/j.scitotenv.2018.06.349

Taipale S., & Farinosi M. (2018). The big meaning of small messages: The use of WhatsApp in intergenerational family communication. In Zhou J., Salvendy G. (eds) *Human Aspects of IT for the Aged Population. Acceptance, Communication and Participation*. Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-319-92034-4_40

Temmy Thamrin & Maulid Hariri Gani. (2020). Nilai budaya komunikasi fatis pada masyarakat Minangkabau. *Jurnal Kata: Penelitian tentang Ilmu Bahasa dan Sastra*, *4*(1), 155-166.

Wang, X., & Haapio-Kirk, L. (2021). Emotion work via digital visual communication: A comparative study between China and Japan. *Global Media and China*, *6*(3), 325-344, https://doi.org/10.1177/20594364211008044

Wang, V., & Tucker, J., V. (2016). Phatic systems in digital society. *Technology in Society*, 46(2016), 140-148. http://dx.doi.org/10.1016/j.techsoc.2016.06.002

Yeni Ernawati. (2021). The form and function of the phatic communion in Palembang Language. *Curricula: Journal of Teaching and Learning*, *6*(2), 112-120. http://dx.doi.org/10.22216/jcc.2021.v6i2.289

Yuli Widiana, Sumarlam Sumarlam, Sri Marmanto, Dwi Purnanto & Mohamed Zain Sulaiman. (2020). Intrusive busybody or benevolent buddy: Phatic communication among Javanese women. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *20*(2), 36-56. http://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-03

Zia Hisni Mubarak & Yessie Aldriani. (2019). Bentuk dan fungsi kategori fatis dalam bahasa Melayu. *Journal IdeBahasa*, *1*(1), 51-64.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).